

27 APR 2003

Muhyiddin-BPR

KES POLITIK WANG PERLU DISELESAIKAN SECARA POLITIK

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Aduan terhadap kes politik wang yang melibatkan anggota Umno perlu diselesaikan atau ditangani secara politik, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Jika kes politik wang itu berunsur rasuah dan membabitkan bidang lain, perkara itu akan dikemukakan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk tindakan, katanya kepada pemberita selepas mewakili Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Titiwangsa di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas saranan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim supaya Umno membenarkan BPR membantu menyiasat sebarang kes politik wang jika Umno serius menghapuskan gejala yang boleh merosakkan parti itu.

Di Kota Bharu semalam, Dr Rais berkata bantuan BPR merupakan langkah paling berkesan dan menunjukkan ketelusan yang amat tinggi dalam menangani masalah berkenaan.

Muhyiddin berkata dalam menangani kes politik wang, Umno sudah mengeluarkan garis panduan, kod etika dan peraturan disiplin parti.

"Tindakan-tindakan tertentu telah diambil walaupun tidak menyeluruh...bagi kes-kes yang jelas (yang telah dilihat buktinya), maka tindakan politik dibuat. Kadang-kadang kalau perbuatan itu agak tidak jelas dari sudut selain dari segi politik, ia dianggap satu kesalahan kerana kita telah ada kod etika," katanya.

Muhyiddin berkata anggota-anggota Umno perlu sentiasa diingatkan mengenai peraturan dan peruntukan tertentu dalam perlembagaan parti berhubung tindakan disiplin yang boleh diambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan sedemikian.

"Bagaimanapun terpulang kepada Lembaga Disiplin kerana pada masa yang lepas, sedikit sebanyak (Umno) telah dapat membendung kegiatan itu," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Muhyiddin meminta semua anggota Umno supaya mengamati senario global sekarang dan berusaha memperkukuhkan ketahanan Melayu dalam menangani cabaran dunia luar.

Kekuatan dan perpaduan Melayu dengan kaum-kaum lain di negara ini perlu diperkukuhkan lagi kerana ia boleh menjadi benteng kekuatan jika negara diancam, katanya.

"Kita perlu ada kekuatan mental, semangat dan kesedaran yang baik terhadap apa yang berlaku di sekitar kita. Apabila Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sering mengingatkan kita supaya bersatu...apa yang dikatakan Dr Mahathir itu bukan satu retorika semata-mata," katanya.

Beliau berkata pihak luar sentiasa mencari peluang untuk menggugat keamanan negara termasuk menggunakan saluran media.

Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata ini dapat dilihat menerusi laporan majalah "The Economist" yang nyata berniat jahat dengan penulisnya menafikan dan memperkecilkan pencapaian negara melalui kepimpinan Dr Mahathir.

"Dunia luar tahu, Malaysia kini menjadi negara membangun yang boleh dikatakan setanding dengan negara maju melalui kepimpinan beliau (Dr Mahathir)...dari segi pencapaian ekonomi, sosial, dasar luar negara, pembangunan umat Islam dan keharmonian hidup rakyat," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan laman web rasmi Umno bahagian Titiwangsa dan menerima sumbangan RM10,000 dari bahagian itu untuk Tabung

Kemanusiaan Rakyat Iraq.
-- BERNAMA
FA HM NAK